

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Telefon bimbit merupakan alat komunikasi yang sangat popular dalam kalangan masyarakat. Pengguna telefon bimbit semakin meningkat bak cendawan tumbuh selepas hujan disebabkan harganya semakin mampu dibeli serta bentuknya yang lebih kecil dan senang dibawa ke mana-mana.

Penggunaan telefon bimbit banyak membantu dalam *komunikasi* harian. Dengan menggunakan telefon bimbit, kita tidak perlu bersusah-payah untuk pergi ke rumah seseorang untuk berkongsi ataupun menyampaikan maklumat. Bukan itu sahaja, keselamatan seseorang juga lebih terjamin kerana telefon bimbit mudah digunakan bagi menghubungi pihak polis atau sesiapa sahaja ketika dalam kecemasan.

Selain itu, penggunaan telefon bimbit dapat merapatkan silaturahim sama ada dengan rakan atau sanak-saudara terutamanya yang berada jauh di perantauan. Kita dapat menelefon orang yang tersayang pada bila-bila masa dengan kos yang tidak membebankan. Lebih-lebih lagi, kita dapat membuat panggilan video bagi mengubat rindu selain mengukuhkan silaturahim dalam kalangan sanak-saudara.

Pada masa kini, telefon bimbit telah menjadi alat hiburan kerana telah dilengkapi dengan fungsi untuk mendengar muzik, rakaman gambar, video serta permainan atas talian. Telefon bimbit juga boleh digunakan untuk mengakses e-mel, melayari laman web dan mencari maklumat dengan pantas dan berkesan.

Kesimpulannya, telefon bimbit mendatangkan banyak kebaikan dan telah menjadi keperluan yang sangat penting dalam kehidupan. Walau bagaimanapun, kita tetap akan menerima kehadiran elemen negatif kesan penggunaan telefon sekiranya tidak berhati-hati. Dalam hal ini, ibu bapa mestilah memantau penggunaan telefon bimbit oleh anak-anak agar tidak disalahgunakan.

- 1 Mengapakah telefon bimbit semakin popular dalam kalangan masyarakat?
A Mudah digunakan.
B Unsur-unsur hiburan yang terdapat di dalamnya.
C Dapat menyampaikan maklumat dengan pantas
D Harganya yang semakin mampu dibeli.
- 2 Perkataan *komunikasi* sesuai digantikan dengan perkataan _____
[1 markah]
- 3 Berikut merupakan kesan negatif yang mungkin timbul di sebalik penggunaan telefon bimbit **kecuali**
A hubungan persahabatan renggang. B bayaran penggunaan
C membuang masa. D terdedah kepada aktiviti tidak sihat.

4 Bagaimanakah penggunaan telefon bimbit dapat mengeratkan hubungan?

[2 markah]

5 Pada pendapat kamu, wajarkah pelajar sekolah dilarang membawa telefon bimbit ke sekolah? Mengapa?

[3 markah]

TATABAHASA – KATA TANYA

LATIHAN A

Tulis **ayat tanya** yang paling sesuai bagi jawapan yang diberi.

1 *Jawapan:*
Ya, saya telah terpilih untuk menyertai Pertandingan Pesta Pantun di Sekolah Kebangsaan Sungai Rokam, Ipoh Perak

Ayat tanya:

- 2 *Jawapan:*
Sambutan murid terhadap acara-acara yang diadakan sepanjang bulan kemerdekaan tersebut baik sekali.

Ayat tanya:

- 3 *Jawapan:*
Sebelum masuk tidur, Nurul Izzah perlu menyiapkan kerja sekolahnya.

Ayat tanya:

- 4 *Jawapan:*
Hanya dua orang sahaja yang berjaya diselamatkan dalam kejadian nahas kapal selam itu.

Ayat tanya:

- 5 *Jawapan:*
Kemalangan itu melibatkan seorang penunggang motosikal dan dua orang pejalan kaki.

Ayat tanya:

LATIHAN B

Tulis **jawapan** yang paling sesuai bagi ayat tanya yang diberikan.

- 1 *Ayat tanya:*
Apakah yang dilakukan oleh Faiz sebelum masuk ke dalam kelas?

Jawapan:

- 2 *Ayat tanya:*
Bilakah ceramah kecemerlangan UPSR akan diadakan?

Jawapan:

- 3 *Ayat tanya:*
Di manakah Cikgu Liza membeli baju batik sutera yang bersulam indah ini ?

Jawapan:

- 4 *Ayat tanya:*
Siapakah yang memberikan bimbingan dan dorongan kepada kamu ?

Jawapan:

5 *Ayat tanya:*
Apakah punca kemalangan itu berlaku?

Jawapan:
